Diod pemancar cahaya atau LED merupakan sejenis diod semikonduktor yang menghasilkan cahaya tidak koheren berspektrum sempit apabila dikenakan voltan elektrik secara ke hadapan melalui simpang p-n. Prinsip tersebut dikenali sebagai elektroluminesasi. LED dikeluarkan dalam pelbagai jenis warna cahaya, bergantung kepada jenis semikonduktor yang digunakan.

Sebagaimana diod biasa, LED terdiri daripada cip semikonduktor yang didopkan untuk menghasilkan semikonduktor jenis positif atau 25ilicon25. Kedua-dua semikonduktor positif dan 25ilicon25 dicantumkan bagi membentuk satu simpang p-n. Arus elektrik bergerak dari bahagian p, atau anod, ke bahagian n, atau katod. Pembawa cas – 25ilicon25 dan lubang – mengalir ke simpang dari elektrod dengan voltan berbeza. Apabila 25ilicon25 bertemu dengan lubang, ia akan jatuh ke tahap tenaga lebih rendah, dan melepaskan tenaga dalam bentuk foton.


Panjang gelombang cahaya dipancarkan, dan dengan itu warnanya, bergantung kepada jurang jalur tenaga bagi bahan yang digunakan yang membentuk simpang p-n. Di dalam diod 25ilicon dan germanium, 25ilicon25 dan lubang bergabung semula oleh transisi bukan 25ilicon25e yang tidak menghasilkan sebarang keluaran optikal. Bahan yang digunakan di dalam LED mempunyai jurang jalur terus dengan tahap tenaga menghasilkan gelombang inframerah, cahaya tampak, ataupun gelombang ultraungu.



Rajah 2.3.5

2.4 KAJIAN PEMILIHAN REKABENTUK PROJEK

- Produk ini berbentuk segi empat mengikut bentuk peti surat biasa.
- Sedikit pengubahsuaian perlu dibuat pada kotak surat iaitu membuat penambahan tempat untuk meletakkan board Arduino.
- Kotak bawah yang ditambah pada peti surat dibuat daripada plastic yang diperolehi daripada sisa terpakai.
- Kotak surat ini perlu ditambah baik dari segi ketahanan untuk kalis air dengan menggunakan gam silikon pada setiap rongga/lubang yang terdedah daripada dimasuki air.



Rajah 2.4.1



Rajah 2.4.2

2.5 RUMUSAN

Sebagai penutup bab ini, tinjauan literatur adalah sangat penting untuk mempamerkan semua kajian komponen untuk meningkatkan pengetahuan mengenai projek ini. Setiap tesis dan projek lain yang berkaitan dengan smart home ini sangat membantu, terutamanya untuk kita memahaminya sepenuhnya.

Selepas banyak bahan yang dibincangkan dan penyelidikan dilakukan, bahan yang paling sesuai untuk projek kami ialah plastik. Oleh kerana perwatakan dan kelebihannya, kaedah yang kami putuskan untuk dijalankan ialah kaedah hands layup. Ini kerana faedah kos rendah dan bagus untuk proses pemula.

Akhir sekali produk ini sangat sesuai dan mampu milik. Seperti yang kita dapat lihat peti surat pintar wujud di luar sana tetapi harganya mahal sehingga kami mencipta peranti yang sama dengan kos rendah dan tujuan yang sama.

BAB 3 METODOLOGI


(Disediakan oleh Ahmad syukri)

3.1 PENDAHULUAN

Metodologi bermaksud suatu sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan untuk sesuatu kegiatan. Bagi sesuatu projek atau penghasilan sesuatu produk, ia mestilah mempunyai metodologi tersendiri bagi melicinkan perjalanan sesuatu kegiatan. Oleh itu, langkah- langkah atau tatacara yang betul dan sistematik perlu diambil. Langkah-langkah ini membantu dalam menghasilkan serta mencapai kejayaan terhadap apa yang diusahakan.

Reka bentuk memainkan peranan yang sangat penting dalam kehidupan kita kerana rekabentuk mempengaruhi hampir setiap perkara yang kita lakukan. Bab ini akan menunjukkan suatu rangka proses rekabentuk yang boleh digunakan untuk menyelesaikan pelbagai situasi rekabentuk. Setelah kami mengetahui pernyataan masalah utama berdasarkan kajian daripada latar belakang projek dan mengenalpasti objektif yang perlu kami capai, dalam masa yang sama juga, kami telah menjelaskan skop atau had - had pelaksanaan projek yang dijalankan.

3.2 CARTA ALIR



Rajah 3.2.1 – carta alir

Carta alir ialah perwakilan visual langkah dan keputusan yang diperlukan untuk melaksanakan proses. Setiap langkah dalam siri ini dicatatkan dalam bentuk rajah. Garis penghubung dan anak panah arah memautkan langkah-langkah dalam proses. Carta ini membolehkan sesiapa sahaja melihat aliran kerja carta dan mengikut logik proses dari awal hingga akhir.

3.3 PENERANGAN CARTA ALIR

1) MERANCANG PEMILIHAN PROJEK


- Mendengar penerangan dari penyelia projek tentang prosedur yang ditetapkan untuk menjalankan tugas. Mengenalpasti masalah sedia ada pada sesuatu permasalahan seperti kecurian atau masalah harian manusia seterusnya cuba mencari jalan penyelesaian sebagai langkah untuk mencari idea yang sesuai
- Setiap ahli kumpulan diminta untuk memberikan idea dalam rekabentuk projek. Sekurang-kurangnya 4 lakaran kasar diberi oleh setiap ahli kumpulan. Cadangan oleh setiap ahli kumpulan diteliti dan dibincang untuk menegenalpasti pilihan yang terbaik untuk rekabentuk yang bakal dibuat untuk produk.
- Mengenalpasti kebaikan dan keburukan yang terdapat dari setiap idea projek yang bakal dihasilkan.

2) PROJEK YANG DIPILIH DIKENALPASTI

- Persetujuan oleh setiap ahli kumpulan untuk pemilihan tajuk yang telah dikenalpasti sebagai projek.
- Membuat kajian dari pelbagai aspek seperti pasaran, kegunaan, kos yang terlibat, cara pengoperasian, keselamatan, komponen yang digunakan, sasaran pengguna dan sebagainya.
- Melakukan soal selidik untuk mengenalpasti mengenai jumlah pengguna yang memerlukan produk bagi projek yang bakal dihasilkan.

3) MELAKAR REKABENTUK

- Melakar dalam jumlah yang banyak lakaran secara kasar rekabentuk projek, untuk mengenalpasti rekabentuk yang sesuai, memenuhi kehendak pengguna dan pasaran semasa.
- Setiap ahli kumpulan memberikan idea dan pandangan mengenai rekabentuk yang dilakar agar bersesuaian dengan produk. Kesesuaian rekabentuk yang sesuai juga dibincang bersama penyelia projek yang lebih berpengalaman untuk mendapatkan keputusan. Rekabentuk yang terbaik dipilih berdasarkan penggunaannya, kesesuaian kepada pengguna, kos yang terlibat, fungsi bahan, cara pengoperasian, dan sebagainya.
- Rekabentuk diadaptasikan ke dalam software FUSION untuk mendapatkan ukuran yang tepat, gambaran rekabentuk yang lebih jelas dari pelbagai sudut, lukisan yang lebih kemas, mudah dijadikan panduan sebelum membuat rekabentuk sebenar.



Rajah 3.3.1

4) PENGIRAAN KOS

- Pengiraan kos adalah cara yang digunakan untuk mendapatkan atau menganggarkan segala kos yang berkaitan bagi mendapatkan penghasilan kos produk daripada bahan mentah. Kos yang terlibat adalah penting untuk mengetahui segala perbelanjaan yang bakal dikeluarkan atau telah dibelanjakan untuk melengkapkan atau menjalankan sebarang aktiviti atau perkara.
- Kos memainkan peranan penting dalam perjalanan sesuatu aktiviti atau projek kerana dengan adanya kos, perjalanan projek dapat dikawal dan di laksanakan dengan sempurna. Tanpa kos, sebarang pembelian atau pengaliran wang tidak dapat diketahui atau dikira untuk sebarang perbelanjaan yang telah dikeluarkan.
- Anggaran kos yang terlibat dalam pelaksanaan sepanjang perjalanan projek seperti kos sampingan, bahan, operasi, pengangkutan, mesin, penghantaran, penyelenggaraan, ubahsuai, buruh langsung dan tidak langsung, ujian.
- Kos dalam pelaksanaan projek ini diambil kira sejak dari permulaan projek sehinggalah tamat menghasilkan produk.


BIL.	KOMPONEN	HARGA
1	NODE MCU ESP32	RM30
2	TAPAK NODE MCU	RM15
3	PENGESAN INFRAMERAH (IR)	RM10
4	ESP32-CAMERA	RM53
5	DIOD PEMANCAR CAHAYA LED	RM2
6	KABEL PENGHUBUNG	RM10
7	FLASHLIGHT 10W	RM5
8	PETI SURAT	RM25
9	BUZZER	RM5
TOTAL	-	RM155

Jadual 3.3.2


5) PEMILIHAN KOMPONEN YANG DIGUNAKAN

- Dalam menjalankan sesuatu aktiviti atau projek, komponen adalah salah satu perkara utama yang penting kerana komponen adalah salah satu keperluan utama dalam melakukan projek atau sebarang aktiviti untuk memastikan perjalanan sesuatu projek berjalan dengan lancar. Oleh itu, ia perlu diambil kira dan dikenalpasti agar pemilihan komponen tepat dan bersesuaian dengan kehendak projek.
- Perbincangan bersama ahli kumpulan mengenai komponen yang sesuai untuk digunakan pada produk projek. Pelbagai jenis komponen yang dicadangkan dan berkemungkinan boleh digunakan disenaraikan mengikut kebaikan, keburukan, fungsi komponen, ketahanan komponen, dan sebagainya.
- Penyenaraian jenis komponen yang berkemungkinan sesuai dan terbaik untuk digunakan dalam pemilihan bahan projek iaitu NODE MCU ESP32, Tapak NODE MCU, Pengesan INFRAMERAH (IR), ESP32-kamera, DIOD PEMANCAR CAHAYA LED, KABEL PENGHUBUNG,FLASHLIGHT 10W , peti surat dan Buzzer. Kesemua jenis komponen dikaji dan di kenalpasti setiap satu ciri -ciri dan sifatnya untuk melakukan dan mendapatkan pemilihan komponen yang terbaik.

6) KESESUAIAN KOMPONEN YANG DIPILIH

BIL.	KOMPONEN	KESESUAIAN KEPADA PROJEK
1	NODE MCU ESP32 	Digunakan sebagai alat programming dan menyambung kepada alat elektronik yang lain.

2	ESP32-KAMERA 	<p>Kamera yang telah dipasang pada bahagian dalam kotak membolehkan pengguna mengetahui keberadaan dan ketibaan surat yang berada pada SMART LETTER BOX.</p>
3	Aplikasi Blynk 	<p>Memudahkan pengguna untuk melihat barang atau surat yang sampai pada SMART LETTER BOX pada bila-bila masa dan dimana mereka berada. Ia dilihat melalui camera yang telah dipasang pada bahagian atas dan dalam projek.</p>
4	PENGESAN INFRAMERAH (IR) 	<p>Berfungsi untuk mengesan kehadiran surat pada box dan menghantar maklumat kepada node MCU</p>
5	DIOD PEMANCAR CAHAYA LED 	<p>Lampu ini dipasang di rumah bagi memudahkan golongan kurang upaya seperti pekak untuk mengesan kehadiran barang atau surat mereka dalam SMART LETTER BOX.</p>
6	BUZZER 	<p>Alat ini berfungsi untuk memberi isyarat sama ada SMART LETTER BOX disambung kepada peranti pengguna.</p>

7	FLASHLIGHT 10W 	Digunakan untuk membantu kamera dengan membekalkan cahaya semasa box ditutup.
---	--	---

Jadual 3.3.3

7) PEMBUATAN MODEL/PROTOTYPE

- Model atau lebih dikenali sebagai prototype adalah satu gambaran bentuk produk yang dihasilkan untuk dijadikan rujukan sebelum menghasilkan produk yang sebenar. Prototype berfungsi sebagai contoh produk yang bakal dihasilkan dari segi rupa, bentuk, saiz dan sebagainya. Kami menggunakan prototype untuk memastikan projek sebenar yang bakal dijalankan dapat menjalani proses pembuatan dengan lancar dan tiada kesalahan semasa menghasilkan projek.
- Prototype yang kami hasilkan adalah dari plastik. Anggaran saiz juga dapat dilihat berdasarkan prototype yang digunakan.

8) UJIKAJI PADA PROJEK

- Proses menguji Smart Letter Box ini dibuat dengan mencuba menggunakannya di beberapa jenis bangunan seperti rumah teres, banglow, kondominium, pangsapuri dan juga pejabat yang terletak pada tingkat bangunan yang tinggi.
- Ketahanan fungsi dan fizikal projek diuji dengan meletakkanya di bawah cahaya matahari serta hujan supaya dapat mengenalpasti kekurangan yang terdapat pada projek kami.

3.4 PEMILIHAN KAEDAH PENGHASILAN

Pemilihan Kaedah memainkan peranan penting dalam reka bentuk keseluruhan pengeluaran dan operasi untuk memenuhi keperluan produk. Pemilihan kaedah melibatkan pemilihan secara strategik jenis proses kerja yang hendak dimasukkan dalam pengeluaran produk. Setiap langkah dalam proses pengeluaran boleh diselesaikan dalam pelbagai cara. Memilih proses yang betul dengan paling cekap boleh meningkatkan output pengeluaran, mengurangkan kos operasi dan meningkatkan kualiti produk. Matlamat Pemilihan kaedah adalah untuk merealisasikan bentuk kaedah yang memenuhi keperluan produk dan menyumbang banyak cara yang berpotensi bermanfaat diterokai, seterusnya pembangunan produk yang lebih baik untuk pengguna.

1) PROSES MEMATERI

Pateri dicairkan dengan menggunakan haba daripada seterika yang disambungkan kepada pengawal suhu. Ia dipanaskan sehingga suhu melebihi takat leburnya pada kira-kira 315 Darjah Celcius, yang kemudian menyebabkannya cair dan serta-merta menyejuk, menghasilkan sambungan yang dipateri dalam papan litar. Pateri juga boleh ditanggalkan dengan mudah menggunakan alat penyahmaterian dan penyedut pateri. Pateri ialah aloi logam yang digunakan untuk menghasilkan ikatan kekal yang kuat, seperti sambungan paip kuprum dan penyambung kuprum dalam papan litar.

2) PENDAWAIAN LITAR

Pendawaian ialah proses melampirkan aksesori yang berbeza untuk pengagihan tenaga elektrik daripada pembekal kepada pelbagai mesin dan peralatan berdasarkan rajah pendawaian, yang merupakan gambaran visual mudah sambungan fizikal dan tetapan fizikal sistem atau litar elektrik. Wayar dalam litar membawa arus elektrik ke pelbagai bahagian sistem elektrik atau elektronik.

3.5 PROSES PEMBUATAN PROJEK

NO	PROSES	CARA PENGHASILAN DAN ALAT	FUNGSI
1	3D Designing	<ul style="list-style-type: none"> • Fusion 360 	<ul style="list-style-type: none"> • Untuk menambah ruang tambahan di bawah kotak surat.
2	Pemilihan bahan yang sesuai	<ul style="list-style-type: none"> • Menggunakan bahan polypropylene dan memperolehinya pada sisa bahan terpakai. 	<ul style="list-style-type: none"> • Sebagai tempat untuk meletakkan board Arduino dan wayar berlebihan.
3	Wiring	<ul style="list-style-type: none"> • Menggunakan alat pemateri timah • Penyambungan wayar ke kaki board 	<ul style="list-style-type: none"> • Untuk menyambungkan komponen kepada board Arduino.
4	Coding	<ul style="list-style-type: none"> • Menggunakan software arduino 	<ul style="list-style-type: none"> • Untuk mengawal dan menghidupkan semua komponen pada smart letter box.
5	Pemasangan semua komponen termasuk wayar pada kotak surat.	<ul style="list-style-type: none"> • Alat seperti hot glue gun dan drill digunakan untuk memasang komponen dan wayar serta menebuk lubang pada projek 	<ul style="list-style-type: none"> • Sebagai proses akhir bagi membina fungsi projek.
6	Percubaan Fungsi Projek	<ul style="list-style-type: none"> • Membuat percubaan fungsi berulang kali dengan memasukkan kertas . 	<ul style="list-style-type: none"> • Bagi mengelakkan projek tidak berfungsi dan menambah baik fungsi pada projek
7	Membuat kemasan akhir	<ul style="list-style-type: none"> • Penyusunan semula komponen dan wayar serta menutup lubang-lubang yang akan dimasuki air. 	<ul style="list-style-type: none"> • Supaya projek kelihatan kemas di luar dan dalam • Supaya projek tidak mudah rosak daripada terkena air semasa cuaca hujan.

Jadual 3.5.1

3.6 GANTT CHART

Activities/Week	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16
Project Briefing	■				■											
Project Preparation		■	■	■	■	■	■	■	■	■	■					
Project Exhibition Preparation												■	■	■		
Project Exhibition															■	
Logbook dan Report Update	■	■	■	■	■	■	■	■	■	■	■	■	■	■	■	■

Rajah 3.6.1

3.7 RUMUSAN

Kesimpulannya, reka bentuk adalah penting dalam menghasilkan sesuatu produk. Dalam projek ini iaitu, smart letter box boleh dihasilkan dengan baik tanpa sebarang masalah. Bahan-bahan yang digunakan dalam projek ini mudah didapati di pasaran dan juga dalam talian. Oleh itu produk ini juga mudah digunakan kerana ia bergerak secara automatik. Walau bagaimanapun, produk ini tidak boleh berjalan dengan lancar sekiranya berlaku kerosakan pada bahan atau tertinggal kaedah.

BAB 4 DAPATAN AWAL KAJIAN

(Disediakan oleh Mohamad Hasif)

4.1 PENDAHULUAN

Bagi memastikan semua maklumat daripada kaedah-kaedah kajian yang dijalankan seperti menerusi temubual, ujian praktikal dan pemantauan di mana daripada kaedah yang kami laksanakan ini, kami memperolehi banyak maklumat mengenai tatacara penghasilan projek secara terperinci. Dengan ini juga kami dapat memperbaiki maklumat yang sedia ada agar kami dapat memenuhi kehendak sebenar rekabentuk produk yang dicadangkan agar bersesuaian dengan penghasilan produk yang kami lakukan.

Setelah kami memperolehi hasil atau dapatan projek yang dijalankan, kami telah mengetahui beberapa perkara penting di mana hasil daripada perolehan analisa projek tadi dapat membantu kami memperkuatkan lagi kajian secara analisa terhadap tatacara yang dijalankan.


4.2 KEBAIKAN DAN KEBURUKAN PROJEK

Setiap projek ada kebaikan dan keburukan, kebaikan projek ini adalah akan membantu pengguna kita untuk lebih mudah dan juga untuk keselamatan daripada kehilangan surat yang berkaitan dengan hal-hal penting. Selain itu, produk ini akan memudahkan masyarakat kerana ia membantu pengguna dari segi masa untuk memeriksa peti surat mereka dan secara tidak langsung dapat menjadikan kehidupan seharian mereka lebih aman dan sejahtera.


Walau bagaimanapun, keburukan mesti diperbaiki atau diubah untuk masa depan supaya kita boleh meningkatkan produk yang baik dan sangat cekap yang hampir tidak menemui kelemahan projek. Setiap produk baru mestilah mempunyai aspek-aspek tertentu yang memerlukan penambahbaikan yang perlu dilakukan untuk menaikkan nilai produknya. Seperti dalam produk kami memerlukan penambahan dari segi wayar yang mudah tercabutt. Kami akan mencari penyelesaian terbaik untuk menyelesaikan masalah ini.

4.3 ANALISIS


Salah satu keputusan daripada soal selidik:



Carta 4.3.1



Carta 4.3.2



Carta 4.3.3

Berdasarkan carta tersebut, kami menggabungkan data daripada soal selidik SMART LETTER BOX. Data ini adalah sangat penting untuk projek ini memberitahu kami bahawa projek kami sesuai untuk semua komuniti. Selepas menerima semua data ini, kami menganalisis setiap perkara yang boleh menjadikannya sempurna. Setiap projek mempunyai kelebihan dan kekurangan, kelebihan projek ini adalah ia akan membantu pengguna supaya lebih mudah semasa menggunakan peti surat pintar daripada kami dan juga untuk meminimumkan faktor kehilangan surat. Namun begitu, keburukan itu mesti diperbaiki atau diubah untuk masa hadapan supaya kita boleh menambah baik produk yang bagus dan sangat cekap yang hampir tidak menemui kelemahan projek.

4.4 RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Sebagai kesimpulan kepada bab ini, analisis dan penemuan telah dibuat. SMART LETTER BOX ini mempunyai banyak kelebihan tetapi terdapat kelemahan dalam kelebihanannya. Oleh itu, cabaran diambil sebagai ruang untuk penambahbaikan dan lebih banyak penghasilan untuk generasi seterusnya dan juga untuk menambah pengetahuan mereka tentang projek yang kami jalankan. Produk ujian telah dijalankan untuk menentukan potensi penuh SMART LETTER BOX dan terbukti ia memberikan nilai positif terhadap masyarakat sekeliling. Dengan adanya kajian ini dapat memudahkan lagi proses untuk menyiapkan projek.

BAB 5 PERBINCANGAN

(Disediakan oleh Ahmad Syukri)

5.1 PENDAHULUAN

Kesimpulannya membolehkan pembentangan kata terakhir mengenai isu dan inovasi yang telah dibangkitkan dalam kertas laporan iaitu untuk menunjukkan kepentingan projek dan peluang untuk membuat kesan akhir yang baik pada nota yang positif. Kesimpulannya juga bertujuan untuk membantu pembaca memahami kepentingan projek itu selepas selesai membaca kertas ini. Bab ini merangkumi kesimpulan untuk keseluruhan projek ini. Kesimpulannya akan disimpulkan cadangan masa depan dan penambahbaikan untuk inovasi masa depan dengan lebih baik keputusan untuk sistem Wifi. Dalam mempromosikan penjelasan yang baik, bahagian berikut juga membentangkan perbincangan projek dan cadangan untuk meningkatkan kualiti.

5.2 PERBINCANGAN

Sepanjang projek, produk berkembang daripada draf kasar kepada pembuatan produk. Ia menggalakkan kreativiti dalam mencipta projek dan menambah baik projek sedia ada untuk menjadi lebih berpatutan dan mesra pengguna dengan kaedah fabrikasi baharu. Inovasi SMART LETTER BOX ialah reka bentuk berteknologi yang menjadikannya canggih dan mesra pengguna tetapi penting untuk faktor penjimatan masa dan tenaga pengguna SMART LETTER BOX diuji secara positif dan kepintaran yang mudah digunakan tetapi, sesuai dengan keperluan pengguna. Keberkesanan projek yang digunakan apabila pengguna mengendalikannya yang membolehkan orang lain mempercayai bahawa produk ini berdaya maju secara komersial. Projek ini berpotensi untuk ditambah kepada IoT lain selaras dengan keperluan penting pengguna. Pengiklanan dan pengkomersilan disyorkan untuk membantu memaklumkan pelanggan tentang ketersediaan SMART LETTER BOX di pasaran.

5.3 MASALAH

Setiap projek adalah berbeza, justeru hampir selalu ada isu dan pertanyaan yang tidak dijangka sepanjang tempoh projek. Paling penting, cari penyelesaian yang cepat dan cekap untuk isu tersebut.

- Masalah yang berlaku pada pengesan inframerah (IR) apabila ianya tidak dapat megesan objek berwarna gelap dan ia akan menyebabkan isyarat kehadiran objek yang gelap tidak dapat dihantar kepada board untuk proses notifikasi.
- Wayar mudah untuk tercabut pada board juga adalah salah satu masalah besar yang dihadapi kerana menyebabkan litar akan terputus serta kegagalan antara komponen untuk berfungsi.
- Masalah *power supply* bagi Smart Letter Box bagi rumah tinggi bertingkat seperti kondominium dan flat. Hal ini kerana ketiadaan bekalan elektrik atau plug di tingkat bawah.
- Masa tidak mencukupi juga adalah salah satu masalah bagi kami kerana ketiadaan waktu lapang yang panjang untuk mencipta sesuatu inovasi yang lain. Hal ini disebabkan waktu untuk mencipta projek ini banyak dihabiskan semasa penciptaan coding sahaja.

5.4 CADANGAN

Dalam menghasilkan atau menjalankan sesuatu projek terdapat kekurangan dan kelemahan yang perlu diperbaiki untuk membantu para pelajar agar lebih berdaya saing dan mendapat peluang untuk melengkap diri dengan pelbagai pengalaman yang boleh diterokai sepanjang proses pembelajaran sesuatu perkara.

Setelah kami mendapat dan melalui pengalaman dalam menyiapkan projek akhir ini terdapat beberapa perkara yang dirasakan perlu untuk diperbaiki untuk keenangan semua pihak dan pelajar sendiri. Di dalam melaksanakan projek ini, beberapa cadangan yang difikirkan perlu bagi membantu pelajar dalam menyiapkan projek pada masa akan datang. Antara cadangan yang difikirkan perlu adalah :

1) Perjadualan masa

- Masa adalah penting bagi setiap manusia dalam menjalani kehidupan seharian dan perlu mempunyai pembahagian masa yang baik untuk mendapatkan perancangan tau pelaksanaan kerja mengikut masa yang telah diberikan. Pelajar perlu mempunyai penjadualan masa yang efektif dalam memastikan perancangan projek lebih teliti untuk kepentingan pembelajaran agar tidak mengganggu masa pembelajaran pelajar dan tidak menjadi satu bebanan kepada pelajar. Pelajar seharusnya bersyukur kerana diberi peluang untuk menerokai dan mendapat pengalaman yang berguna dalam bidang penciptaan sedikit sebanyak memberikan pengetahuan. Jadi segala peluang yang diberikan tidak seharusnya dipersiapkan malahan perlu dihargai dan projek yang dijalankan

2) Penggunaan *powerbank*

- Kami perlu memilih alat ini yang berkapasiti bateri tinggi yang tahan lama supaya pengguna tidak perlu lagi menukarnya berulang kali dan tidak perlu menggunakan plug lain di tingkat bawah.

3) Penyambungan wayar yang kukuh

- Bagi kaedah penyambungan wayar ini supaya menjadi kukuh , kami tidak perlu menggunakan wayar yang disambung secara pin selain menggunakan penyambungan wayar menggunakan alat pemateri pada board.

4) Penukaran alat pengesan yang lebih baik

- Bagi penukaran komponen ini, kami perlu mencari dan mendapatkan maklumat tentang alat pengesan lain yang boleh mengesan semua objek tidak kira warna yang gelap atau cerah. Dengan ini, kami perlu menukar pengesan infrared ini kepada pengesan ultrasonic.

5.5 KESIMPULAN

Kesimpulannya, projek ini menepati objektif. Pertama, pengetahuan dan kemahiran elektronik dipelajari dan diperolehi dengan cara yang sangat praktikal. Kedua, pengetahuan dan kemahiran menggunakan kedua-dua perisian pengaturcaraan Arduino IDE dan papan Arduino dimiliki melalui pengalaman hands-on. Akhir sekali, kemahiran proses reka bentuk kejuruteraan yang diingini berjaya diterapkan dan dipelajari. Projek ini menyelesaikan pernyataan masalah yang ingin ditangani untuk berinovasi daripada masalah penerimaan surat yang perlu di majukan dengan menggunakan teknologi masa kini. Projek atau sistem produk membawa penyelesaian kepada pernyataan masalah dengan menyediakan sistem automatik yang melaksanakan penghantaran surat dengan dapat membantu pengguna mengetahui kehadiran surat mereka. Produk ini sentiasa berjalan bagi membuat pengesanan terhadap surat yang dihantar. Secara keseluruhannya, projek ini telah memberi manfaat dalam mereka bentuk dan mencipta produk melalui proses reka bentuk kejuruteraan. Kesilapan semasa pemasangan wayar pada setiap komponen menyebabkan sensor inframerah tidak berfungsi dengan baik seperti yang dikehendaki.

RUJUKAN

- 1) <https://www.irjet.net/archives/V3/i10/IRJET-V3I10152.pdf>
- 2) <https://www.engineersgarage.com/intelligent-letter-box-using-arduino-and-gsm/>
- 3) <https://ms.wikipedia.org/wiki/Wi-Fi>
- 4) <https://randomnerdtutorials.com/getting-started-with-esp32/>
- 5) <https://www.teachmicro.com/using-esp32-for-the-first-time/>
- 6) <https://www.waveshare.com/esp32-cam.htm#:~:text=The%20ESP32%2DCAM%20is%20a,QR%20identification%2C%20and%20so%20on>
- 7) <https://www.andalanelektro.id/2018/08/mengenal-arduino.html>
- 8) <http://kemahiranhidupshaniza.blogspot.com/2011/03/diod-pemancar-cahaya-atau-led.html>
- 9) <https://www.teachmicro.com/using-esp32-for-the-first-time/>

